

BANTUAN INSENTIF ASNAF CEMERLANG (SARA HIDUP)

OBJEKTIF

Sebagai galakan pengiktirafan dan motivasi kepada pelajar-pelajar golongan Asnaf Fakir dan Miskin yang mendapat keputusan cemerlang di peringkat SPM, Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana sahaja.

KEKERAPAN

Bantuan diberi sekali sahaja untuk setiap peringkat pengajian.

SYARAT- SYARAT PERMOHONAN

1. Pelajar Islam Sarawak atau mereka yang bermastautin di Sarawak.
2. Hanya kepada anak-anak penerima bantuan Sara Hidup Tabung Baitulmal Sarawak sahaja yang telah menamatkan pengajian.
3. Mempunyai keputusan seperti berikut:-

PERINGKAT PENGAJIAN	KEPUTUSAN
SPM	<ul style="list-style-type: none"> • Sekurang-kurangnya A dalam semua Mata Pelajaran (Sekolah Bandar) • Minima 7A dan B pada baki mata pelajaran lain (Sekolah Luar Bandar)
STPM	<ul style="list-style-type: none"> • 4A atau CGPA :4.00 (Sekolah Bandar) • CGPA : 3.50 ke atas (Sekolah Luar Bandar)
Diploma & Ijazah Sarjana Muda	<ul style="list-style-type: none"> • Memperolehi CGPA:3.50 ke atas untuk semester terakhir (Kumulatif)
Sarjana	<ul style="list-style-type: none"> • Memperolehi CGPA 3.75 ke atas untuk semester terakhir (Kumulatif)

4. Mengikuti pengajian sepenuh masa dan separuh masa bagi pengajian peringkat tinggi (Diploma dan ke atas).
5. Permohonan dan dokumen hendaklah dihantar dalam tempoh 180 hari (6 bulan) termasuk hari Sabtu, Ahad & Cuti Umum daripada tarikh keputusan rasmi peperiksaan.

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)

1. Dokumen asas.
2. Keputusan peperiksaan terkini.
3. Bagi pembayaran melalui akaun pihak ketiga, hendaklah menggunakan Borang Kebenaran Akaun Pihak Ketiga.